

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 16 MAC 2015

RUJUKAN : 7711

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa buku rujukan Kertas Model SPM Bahasa Malaysia diterbitkan oleh Info-Didik, masih dijual di kedai buku, adakah ini bermaksud kandungan buku itu adalah selaras dengan pendirian Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa memantau dan memastikan bahan-bahan penerbitan yang diterbitkan tidak menyiarkan artikel atau laporan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kemoralan, memudaratkan keselamatan, menggemparkan fikiran rakyat, berlawanan dengan mana-mana undang-undang, memudaratkan kepentingan awam dan memudaratkan kepentingan negara. Sekiranya mana-mana media cetak menyiarkan bahan-bahan yang mengandungi apa-apa jua bentuk isi kandungan yang tidak mematuhi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan Kementerian, termasuk sentimen perkauman dan agama sehingga boleh menjejaskan keselamatan dan memudaratkan ketenteraman awam, Kementerian akan mengambil tindakan seperti mana yang digariskan mengikut peruntukan Akta tersebut.

Berhubung perkara yang dibangkitkan, Kementerian telah meneliti buku rujukan Kertas Model SPM Bahasa Malaysia cetakan 2014 yang diterbitkan oleh Info-Didik Sdn Bhd dan mendapati petikan cerpen dan soalan berkaitan cerpen yang dipaparkan dalam buku rujukan tersebut tidak mengandungi bahan-bahan yang boleh menjejaskan keselamatan dan memudaratkan ketenteraman awam. Ia sebenarnya bertujuan

memberi kefahaman kepada para pelajar betapa pentingnya perpaduan kaum dipelihara dengan menyandarkan kepada peristiwa yang telah berlaku serta menjadikannya sebagai teladan. Walau bagaimanapun, skema jawapan kepada soalan-soalan berkaitan cerpen tersebut yang mengandungi unsur yang tidak wajar dan perlu dipinda sebelum ia boleh dijual semula.

Semakan Kementerian juga mendapati pihak penerbit buku iaitu Info-Didik telah mengumumkan untuk menarik balik buku rujukan kertas model SPM Bahasa Malaysia berkenaan di pasaran di seluruh negara pada akhir 2014. Sehubungan itu, pihak penerbit perlu meneruskan penarikan semula buku tersebut di pasaran seperti diumumkan dan skema jawapan tersebut perlu dipinda jika buku rujukan berkenaan ingin dijual semula.